

Oleh Fatimah
Kashid
autism@reduprime.com.my

Pen, kertas, rahsia Schreyer cipta jentera hebat Kia

» **Pereka Jerman tak suka guna komputer bagi mereka bentuk kereta**

Walaupun keputusan belum muktamad, ada kebarangkalian Kia menjadi pengeluar kereta lumba.

Malah, Peter Schreyer, individu yang mengilhamkan rekaan 'hidung harimau' yang menjadi gaya terkenal Kia, juga amat berminat untuk membuat rekaan kereta lumba.

Impian Schreyer untuk membuat rekaan kereta bertenaga masih belum dapat direalisasikan lagi kerana Kia masih belum mempunyai rancangan untuk menggarakan kereta jenis itu dalam masa yang terdekat.

Bermula dengan model Kia Magentis dengan rupa baru, Schreyer menyuntik rekaan 'hidung harimau' untuk memperolehi kesan tiga dimensi yang hidup. Bentuk hidung harimau dipilih kerana, katanya, harimau adalah lambang kuasa.

"Satu daripada cabaran utama dalam rekaan kereta adalah sesebuah rekaan mesti mampu untuk kekal segar untuk tempoh yang lama, sehingga enam atau tujuh tahun. Jadi, dalam membuat sesebuah rekaan, saya mesti berfikir 10 tahun ke hadapan untuk memastikan rekaan tersebut akan tetap digemari untuk tahun-tahun yang mendatang," kata Schreyer yang merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Rekaian Kia Motors pada Pameran Motor Seoul



Peter Schreyer.

bahawa rekaannya bermatlamat untuk menghasilkan ruang dalaman yang bernyiaras pemandu dan sporty, dengan hanya sedikit perbezaan rekaan antara segmen-segmen kenderaan.

Menurut Schreyer lagi, perkara paling penting yang cuba ditonjolkan oleh Kia adalah ciri ergonomik dan rekaan dengan unsur yang berbeza pada tempat yang sama dalam model yang

berbanding 10 tahun lalu, dan mereka lebih berminat dengan kereta yang mempunyai rekaan dan material bagus, yang mana dapat memberikan nilai setimpal dengan harga dibayar," katanya.

"Mereka juga menginginkan rekaan baru lebih cepat berbanding sebelum ini. Jadi pereka kereta mesti mempunyai kepelbagaian dan kreativiti dalam rekaan

perlu direka pada masa sekarang," katanya.

Proses merekabentuk

Mempunyai sebuah kumpulan pereka yang bagus dan berkongsi maklumat sama untuk menghasilkan rekaan yang berkualiti adalah penting, tambahnya lagi.

Proses membuat rekaan akan mengambil masa sekitar dua tahun, bermula dari peringkat lakaran hinggalah kepada terhasilnya kereta di atas jalan raya.

Pereka perlu menghasilkan tujuh atau lapan model yang berlainan di mana hanya satu atau dua sahaja yang akan diteruskan ke peringkat pembinaan dalam saiz sebenar.

Bagaimanapun, ini hanya berdasarkan teori sahaja. Dalam keadaan sebenar, proses tersebut biasanya memakan masa kurang daripada tempoh dua tahun.

Berkenaan dengan pengaruh dalam rekaannya, Schreyer memberitahu yang semuanya dikumpulkan dari pengembaraannya ke seluruh pelusok dunia kerana beliau berpendapat

pemilihan rekaan kereta berbeza berdasarkan negara jualan, seperti yang dilakukan oleh beberapa pengeluar, adalah tidak perlu kerana sebuah kereta akan diterima dengan baik di mana-mana saja jika ia mempunyai rekaan yang bagus.

Nasihat kepada pereka muda

Menurut Schreyer, beliau lebih gemar menggunakan pen dan kertas dalam kerjanya, berbeza dengan pereka muda yang lebih banyak menggunakan komputer. Baginya, medium tersebut dapat memberikan lebih karakter dan personaliti kepada kereta rekaannya.

Agabila ditanya tentang proses beliau membuat rekaan kereta, Schreyer menjawab bahawa dia akan memandu semua kereta yang terlibat untuk mengenali sendiri kereta tersebut, dan mengenalpasti jika terdapat sebarang kelesahan sebelum menentukan cara untuk memperbaikinya.

Beliau turut menasihatkan pereka muda supaya sentiasa membawa buku lakaran dan pen atau pensel bersama mereka pada setiap masa kerana mereka mungkin akan menemui perkara-perkara yang boleh mdatangkan ilham di mana-mana saja tanpa menghiraukan waktu.

IKLAN JAWATAN

Penerbit Cars, Bikes & Trucks dan 8H Auto ingin mempelawa individu yang berminat untuk memohon jawatan seperti berikut:

- 📍 **Wartawan Permotoran**
- 📍 **Editor Web**

Jika anda faham berbahasa Inggeris dan/atau bahasa Malaysia, berminat menulis dengan baik serta mempunyai minat mendalam dalam bidang